

30 MAY 2000

MAHATHIR-EROPAH/I

KESAN GLOBALISASI DAN INTERNET PERLU DIKAJI

KUALA LUMPUR, 30 Mei (Bernama) -- Kesan daripada globalisasi dan Internet mesti dikaji dengan teliti kerana ia boleh mengubah cara perniagaan dikendalikan antara Asia Tenggara dan Eropah, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, hari ini.

Perdana Menteri berkata, oleh sebab itu, kini satu fasa baru sedang berkembang dalam hubungan antara ahli-ahli perniagaan Eropah dan Asia Tenggara.

Tetapi yang lebih banyak memberi kesan kepada hubungan dalam era maklumat ini ialah teknologi komunikasi yang semakin canggih dan idea baru mengenai saling pergantungan negara-negara dalam dunia tanpa sempadan, kata beliau dalam ucap-tama di Sidang Kemuncak Perniagaan Eropah-Asia 2000 di sini.

"Kita pandai berkata-kata mengenai dunia tanpa sempadan yang memudahkan komunikasi. Nampaknya kini lokasi strategik tidak lagi bermakna khususnya dalam menjalankan perdagangan antarabangsa ataupun di peringkat negara," kata beliau.

"Tetapi sebenarnya ia masih relevan, kita masih merupakan orang, manusia, kita mempunyai budaya sendiri, kesetiaan kita dan perasaan manusia kita.

"Apabila menjalankan perniagaan kita tidak boleh mengabaikan faktor-faktor ini," kata beliau kepada peserta-peserta persidangan itu yang bertema "Membentuk Semula Hubungan Perniagaan Eropah-Asia Tenggara: Keadaan Baru, Pembentuk, Trend dan Peluang-peluang."

Mengenai Internet, Perdana Menteri berkata: "Mungkin kita lebih cekap serta barangan dan perkhidmatan lebih murah. Mungkin orang miskin kini mampu memiliki apa yang mereka tidak mampu sebelum ini. Tetapi masyarakat manusia jenis apa ini?"

"Mungkin apa yang saya katakan membayangkan sikap pencemas dalam saya. Tetapi sama ada saya betul atau salah kita perlu mengkaji mengenai globalisasi dan dunia Internet yang fantastik," kata Dr Mahathir, yang merupakan pelopor teknologi maklumat dan multimedia negara.

Globalisasi dan Internet akan memberi kesan kepada cara perniagaan dikendalikan antara Asia Tenggara dan Eropah, kata beliau lagi: "Kita mahu menjadi cekap tetapi kita mahu melihat muka dan bercakap kepada orang yang kita menjalankan perniagaan dengan."

Teknologi maklumat, multimedia dan Internet telah membuka banyak peluang bagi orang Eropah untuk menjalankan perniagaan di Asia Tenggara dan tidak sebanyak itu kepada peniaga Asia Tenggara yang mahu menjalankan perniagaan di Eropah, kata beliau.

Selepas berhujah mengenai kesan buruk perniagaan Internet terhadap perdagangan tradisional, Dr Mahathir berkata, "Tetapi perniagaan berasaskan Internet yang mengambil kira kepentingan semua orang boleh membawa kepada pertumbuhan ekonomi yang lebih cepat ke negara-negara membangun."

"Kita perlu duduk dan memikirkan cara-cara berbuat demikian. Rakan-rakan di Eropah mesti menghargai rasa kluatir kita dan membantu merumuskan sistem menjalankan perniagaan internet dot.com yang saling menguntungkan," kata beliau.

Mereka mesti bersedia berkerjasama dengan negara-negara Asia Tenggara untuk memastikan yang manfaat daripadanya dikongsi dengan adil dan memungkinkan keadaan yang menguntungkan kedua-dua pihak, kata beliau.

Dr Mahathir berkata, satu daripada cara ialah syarikat-syarikat Eropah

dalam teknologi canggih menjadi rakan strategik Asia Tenggara.

Dengan penduduk seramai 500 juta, beliau berkata rantau itu mempunyai keperluan besar bagi banyak perkara dan itu sendiri menunjukkan ia satu pasaran berpotensi.

"Kami percaya pada apa yang kami panggil sebagai perkongsian pintar. Mereka yang kurang mampu bukan pelanggan baik tetapi jika anda menjadikan mereka kaya mereka boleh jadi pelanggan baik," kata beliau di mesyuarat antarabangsa itu yang dihadiri oleh lebih kurang 100 ahli perniagaan termasuk ketua-ketua pegawai eksekutif (CEO).

Beliau berkata, keperluan teknologi di rantau ini membuka peluang besar kepada rakan-rakan di Eropah tetapi pemindahan teknologi bukan murah jikapun ada kesanggupan untuk berbuat demikian.

Yang kaya telah berjaya dalam meniru atau menjuruterakan semula hakcipta pihak lain. "Bukan yang kita suka kepada perbuatan-perbuatan jenayah tetapi apabila perbezaan harga terlalu besar, adalah sukar untuk menghalang orang daripada mencabuli undang-undang hakcipta," kata beliau.

Beliau berkata, teknologi tidak seharusnya terlalu mahal dan rakan-rakan di Eropah harus bersedia memindahkan teknologi pada kos nominal khasnya apabila mereka ialah rakan usahasama.

Mengingatkan hadirin yang teknologi bukanlah sesuatu yang statik, beliau berkata, "dengan jangka hayat hanya beberapa bulan, apa yang anda pindahkan hari ini bukan lagi canggih apabila tiba masa bagi produk itu dipasarkan. Rakan yang menyumbangkan teknologi akan terus mengekalkan kelebihan teknologi mereka."

Beliau juga berkata, harga pemindahan merupakan satu lagi masalah yang dihadapi oleh negara tuan rumah di Asia Tenggara dan di tempat-tempat lain.

"Kami tahu ia berlaku. Kami tahu kami kehilangan banyak pendapatan. Tetapi kita sentiasa di bawah ugutan. Jika kita cuba kutip cukai maka pelabur asing akan ke tempat lain.

"Negara-negara Asia Tenggara saling bersaing bagi pelaburan asing dan kami perlu terus memikirkan untuk melepaskan hak dan pendapatan kami bagi berada di hadapan pesaing-pesaing kami yang mesra. Hasilnya sangat minima bagi kami," kata beliau.

-- BERNAMA

MGM MR PR